

15 OCT 2001

Mahathir-Temuramah

TRANSKRIP TEMURAMAH RTM DENGAN PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membincangkan kesan ke atas ekonomi, politik dan keselamatan ekoran serangan pengganas di Amerika Syarikat pada 11 September, dalam satu temuramah khas melalui RTM malam ini.

Temuramah itu dipengerusikan oleh Ketua Pasukan Komunikasi Majlis Tindakan Ekonomi Negara Abdul Rahman Sulaiman, dengan anggota panel terdiri daripada Pengarang Berita Kanan Utusan Malaysia Abdul Aziz Ishak dan Pengarang Berita Kanan The Star Wong Chun Wai.

Berikut ialah transkrip soal-jawab temuramah itu:

Soalan: Kita mula dengan meminta Datuk Seri menjelaskan pendirian Malaysia terhadap peristiwa berkenaan?

Jawapan: Pendirian kita agak mudah iaitu kita tidak setuju dengan cara mengganas, tak setuju pengganas dalam apa juga perjuangan. Mungkin ada yang berjuang untuk memerdekakan negara mereka tetapi ada tindakan-tindakan yang dianggap sebagai ganas iaitu bukan melawan dengan pihak yang menindas tetapi menyebabkan kematian dan kecederaan orang yang tidak bersalah, itu adalah suatu tindakan yang ganas. Dengan itu kita tentang pengganas. Tetapi di negara-negara di mana peluang untuk menukar Kerajaan seumpamanya dibenarkan melalui sistem demokrasi seperti di Malaysia, tidak ada sebab kenapa cara-cara lain seperti mengganas perlu digunakan.

Kita juga tidak bersetuju dengan cara memerangi sesebuah negara untuk menghapuskan keganasan dan pengganas kerana kita berpendapat bahawa ini tidak akan berjaya menumpaskan pengganas sebaliknya kita harus tahu kenapa mereka mengganas. Sedikit sebanyak kita perlu mencuba untuk menghapuskan sebab-sebabnya. Seperti juga di Malaysia dahulu apabila kita menghadapi pengganas, kita bukan sahaja perang dengan mereka, kita juga melancarkan satu serangan untuk menawan hati dan pemikiran rakyat supaya tidak menyokong pengganas dan apabila kita mengetahui tentang rintihan rakyat kita mengatasinya dengan memberi atau membuat sesuatu untuk mereka tidak lagi berasa terasing. Umpamanya semasa itu Tunku Abdul Rahman telah memberi lebih satu juta kerakyatan kepada orang-orang yang tinggal di Malaysia tetapi tidak mempunyai hak kerakyatan.

Kita juga mengadakan berbagai tindakan untuk menyelamatkan orang yang terdedah kepada keganasan, memberi peluang kepada mereka untuk tinggal tetap di kawasan-kawasan tertentu, berniaga dan bekerja dan dengan ini mereka tidak lagi berasa mereka tertekan ataupun dipinggirkan dan mereka tidak menyokong pengganas sebab itu kita dapat mengalahkan pengganas bukan semata-mata kerana tindakan ketenteraan tetapi dengan cara apa yang dikatakan "winning the heart and mind of the people" (memenangi hati dan jiwa rakyat) secara psikologi.

S: Bagi sesetengah pihak di Malaysia, mereka menganggap Osama bin Laden sebagai seorang pejuang, tetapi ada sesetengah pihak yang menganggap Osama ini menggunakan faktor agama untuk menghalalkan agenda politiknya dan mereka rasa apabila Osama melaungkan slogan jihad, mereka pun menyoal, kenapa jihad sedangkan orang yang tidak bersalah terbunuh. Apa pandangan Datuk Seri tentang perkara ini?

J : Kita berpendapat ini bukan satu jihad, sudah tentu ia bukan satu cara berjihad. Kita boleh berjihad dengan bermacam cara umpamanya kalau kita membangunkan negara kita supaya ia menjadi begitu kuat sehingga tidak boleh sesiapa menekan kita, itu juga jihad.

Membangunkan negara Islam dengan cara menguasai ilmu, itu juga jihad. Sebaliknya kalau kita perlu melawan musuh yang memusuhi kita, kita berperang dengan musuh tetapi kita tidak membunuh orang yang tak ada kena mengena dengan penindasan ke atas kita. Apa yang dilakukan ialah membunuh lebih 6,000 orang yang tidak ada kena-mengena dengan penindasan. Mereka terdiri daripada rakyat Malaysia juga. Apa kesalahan kita yang rakyat Malaysia perlu dibunuh?. Itu adalah tindakan ganas dan tidak mencerminkan jihad sebenarnya.

Kalau jihad tak perlu membunuh, baru berjihad dan kita tak perlu mati dengan cara berperang seperti ini baru kita dapat ke syurga. Bagi bukan Islam mungkin tak faham tetapi bagi orang Islam ini penting. Kita harus ingat perjuangan Nabi Muhammad s.a.w. bukan dia mati dalam peperangan, namun dia mendapat tempat di syurga. Demikian juga dengan beberapa orang sahabat-sahabatnya, mereka tidak mati dalam peperangan tetapi mereka juga ditempatkan di syurga. Menganggap bahawa hanya berperang, mengganas, membunuh orang dan dengan kerana itu kita dibunuh, maka itu adalah jihad dan akan menjadi syahid, itu adalah tak kena sama sekali mengikut ajaran Islam.

S: Adakah Datuk Seri melihat serangan di New York dan tindakbalas Amerika Syarikat di Afghanistan sebagai satu perbalahan antara negara-negara Islam dengan sistem Barat atau pertembungan ketamadunan atau "The clash of Civilisation"?

J: Saya tidak terima bahawa ini adalah satu serangan ke atas agama Islam atau Islam kerana kalau mereka nak musnahkan semua orang Islam agak mudah bagi mereka ...bila mereka lontar satu bom nuklear, habis ratusan jutaan orang Islam. Tetapi mereka tidak berbuat demikian. Mereka menyerang cuma Afghanistan. Walaupun kita tidak bersetuju serangan ini kerana ramai daripada orang yang tidak berdosa akan menjadi mangsa. Tetapi ini bukan peperangan terhadap orang Islam.

S: Menyentuh soal pertembungan peradaban ini, walaupun belum sampai ke peringkat yang begitu tetapi apa yang berlaku ialah hubungan Islam dan Barat ini lebih diwarnai dengan kemarahan, kebencian, dan ketidakadilan serta penindasan, jadi ke mana hala tuju selepas ini?

J: Orang Islam mesti mencari jalan dan memperkenalkan Islam kepada orang bukan Islam serta memperkenalkan Islam sebagai satu agama yang bertujuan mengadakan keamanan dan bukan peperangan tetapi tumpuan diberikan kepada puak ekstrimis Islam yang selalu bertindak keterlaluan tanpa bertanggungjawab. Dan kerana ini gambaran yang diberi terhadap orang Islam dan agama Islam sudah menjadi buruk. Apabila kita merasa frustrasi kerana ini, kita juga ambil tindakan memburukkan lagi imej Islam. Kita perlu rasional termasuk dalam perkara ini juga kita perlu rasional. Kita bukan nak perang dengan orang bukan Islam. Kita tidak bersetuju dengan keganasan walaupun dilakukan oleh orang bukan Islam.

S: Dari segi politik antarabangsa, ada pendapat yang mengatakan berikutan dengan serangan pengganas dan pengeboman Afghanistan dunia akan berubah. Kuasa Amerika yang merupakan kuasa besar akan terjejas dan ada

orang yang mengatakan bahawa "the next power will be China" (kuasa yang akan muncul ialah negara China). Jadi apa persediaan Malaysia untuk menghadapi senario politik dunia yang akan membawa perubahan pada masa depan?

J: Kita adalah sebuah negara kecil, dan bagi kita penggunaan kekerasan tidak akan menyelamatkan kita. Kita sedar ada kuasa besar di dunia, jika mereka mahu mereka boleh menawan Malaysia. Sebab itu ada pendapat bahawa peradaban manusia sekarang ini masih lagi primitif. Masih lagi sama dengan zaman batu dahulu. Kerana kita mengukur sesuatu kekuatan dengan kebolehan untuk membunuh lebih ramai manusia. Kalau sesuatu negara itu mampu membunuh lebih ramai daripada negara lain maka ia dianggap kuasa besar.

Jadi kita masih primitif sebab itu kita perlu mencuba membawa perubahan pemikiran seperti ini. Sebaliknya negara yang kaya dan kuat mampu menyelamatkan lebih ramai manusia yang berada dalam keadaan amat tertekan, miskin dengan perbelanjaan yang sedikit sahaja. Mereka boleh menukar kehidupan orang ini. Jadi dunia sepatutnya sedar bahawa cara kekerasan bukan sahaja boleh digunakan oleh kuasa besar tetapi sekarang ini kuasa kecil pun boleh menggunakan kekerasan. Kita harus membuat penilaian tentang kejayaan sesuatu negara bukan berasaskan kepada kemampuan mereka dalam bidang ketenteraan tetapi kemampuan mereka membangunkan negara mereka dan tidak menjejaskan pembangunan negara lain.

S: Dalam aspek ini saya rasa Malaysia telah berjaya mencapai apa sahaja yang Datuk Seri sebutkan tadi, sebab dari senarai yang dikemukakan oleh Washington Post baru-baru ini, Malaysia dianggap sebagai salah satu negara Islam yang berjaya dari segi per kapita keluaran negara kasar (GDP) kita disenarai sebagai RM10,500 setahun, cuma rendah sedikit dari Arab Saudi yang dapat banyak kerana minyak. Ini sebenarnya hakikat yang diakui oleh ramai orang luar negara tetapi amat menyedihkan orang dalam negara sendiri tidak mahu mengakuinya.

J: Ya, mereka tidak mahu mengakui kebenaran kerana mereka mempunyai agenda politik. Ini amat menyedihkan kerana kalau kita berkerjasama kita dapat menjadi negara yang lebih maju daripada sekarang. Bagi kita perjuangan kita ialah untuk membangunkan negara kita sehingga menjadi sebuah negara maju. Ini adalah satu jihad kerana bila kita menjadi satu negara maju tekanan ke atas kita akan berkurangan kerana mereka mengiktirafkan kebolehan kita. Ini adalah lebih baik daripada cuba berperang nak melawan musuh-musuh kita atau hantar orang kita berperang yang mana kita tidak tahu boleh menang. Kalau kita jadi negara yang maju bukan sahaja boleh menang tapi orang tidak akan menekan kita.

S: Datuk Seri menyebut tentang jihad baru-baru ini dalam satu kenyataan, Datuk Nik Aziz Menteri Besar Kelantan menyeru umat Islam supaya berjihad dan Datuk Seri dianggap atau dilihat sebagai orang yang tidak menyokong jihad malah dikatakan menghina jihad apabila Datuk Seri menerusi kerajaan yang ada menangkap anak Datuk Nik Aziz iaitu Nik Adli yang juga pernah berjihad di Afghanistan. Bagaimana Datuk Seri respon kepada soal ini?

J: Semasa dia berjihad di Afghanistan, kita tak tangkap dia tetapi dia balik di sini dengan niat tumbangkan kerajaan dengan mengguna kekerasan, itu sebabnya dia dimasukkan dalam tahanan kerana tindakan itu akan mengakibatkan Malaysia menjadi lemah kerana perpecahan, rusuhan. Ini bertentangan dengan kehendak Islam supaya negara-negara Islam mampu

mempertahankan diri. Orang-orang seperti ini biasanya mereka lebih tumpu kepada kerajaan-kerajaan negara Islam dan kerana mereka berbuat demikian, kebanyakan negara Islam tak dapat dibangunkan dan menjadi lemah. Dan kerana lemah mereka sentiasa ditekan oleh orang lain. Kita tak akan benarkan negara kita menjadi lemah kerana ada segelintir orang yang tak bertanggungjawab yang kononnya ingin melancarkan serangan ganas untuk jatuhkan kerajaan kerana kecewa perjuangan melalui demokrasi oleh puak mereka.

Ini sebabnya mereka berpendapat perjuangan melalui peti undi tak mungkin meletakkan parti mereka sebagai parti memerintah. Dengan itu mereka memilih untuk menggunakan kekerasan dan mereka juga berpendapat bahwa demokrasi bukan sistem Islam.

S: Datuk Seri, Malaysia adalah sebuah negara yang moderate atau liberal, tetapi ada beberapa insiden kebelakangan ini yang mungkin menjejaskan imej Malaysia. Umpamanya demonstrasi ahli PAS di depan Kedutaan Amerika Syarikat dan mereka juga membakar bendera AS dan baru-baru ini terdapat laporan yang mendakwa ada sepucuk surat yang kononnya mengandungi virus anthrax telah dihantar ke pejabat Microsoft (dari Malaysia). Jadi tindakan seumpama ini mungkin menjejaskan nama baik kita. Dunia luar mungkin menggolongkan negara Islam yang ekstrimis walhal negara kita adalah moderate. Apa respon Datuk Seri?

J: Ada pihak tertentu yang ingin memberi gambaran tidak kena berkenaan Malaysia untuk menggambarkan Malaysia sebagai negara Islam yang ekstrim, sebab itu mereka membuat laporan tertentu. Saya tak tahu berkenaan dengan soal surat ini sama ada benar dari Malaysia atau telah kena anthrax semasa dalam perjalanannya dari Malaysia ke Amerika atau terdapat di Amerika sendiri. Kita tak tahu yang tu. Kita tunggu maklumat. Tapi berkenaan dengan demonstrasi ini amat menyedihkan kerana kecewa tak dapat menangkis sesuatu serangan ke atas orang Islam mereka hanya mampu berdemonstrasi. Ini menunjukkan kelemahan kita. Tak boleh buat apa-apa. Kita buat demonstrasi apa ada yang kita dapat, apakah kita boleh menyebabkan serangan ke atas Afghanistan dihentikan kerana kita tunjuk sepanduk? Kita sepatutnya bangunkan negara kita menjadi negara maju yang lebih berpengaruh di arena antarabangsa. Itu pendekatan yang kerajaan ada sekarang.

S: Datuk Seri, dalam dekad 60-an, ancaman yang dihadapi oleh Malaysia ialah ancaman komunis, jadi nampaknya ancaman terbaru ialah kumpulan militan ekstrimis. Bagaimana persediaan pihak atau agensi keselamatan menghadapi ancaman ini di Malaysia?

J: Yang pentingnya, kita perlu mengadakan perisikan dan mengetahui lebih awal tentang gerakan-gerakan seperti ini supaya kita dapat bertindak awal sebelum diannya berkembang. Bertindak awal di sini bermakna kita boleh masukkan mereka dalam tahanan seperti yang kita buat di bawah ISA supaya mereka tidak boleh meneruskan rancangan mereka. Kita juga perlu maklumat. Kita tahu tentu ada orang yang mempunyai maklumat berkenaan dengan mereka ini. Malangnya tak di sampaikan kepada kerajaan. Jika tak kerana penyelidikan yang dibuat polis kita mungkin tak dapat maklumat ini. Jadi mendapat maklumat berkenaan dengan segala kegiatan yang seperti ini amat penting dan tindakan untuk menumpaskan mereka juga menjadi satu perkara yang amat penting.

S: Soal keselamatan kita lihat seolah-olah macam telah mengambil tempat yang terbelakang sejak akhir-akhir ini. Misalnya Amerika Syarikat sendiri tidak menyangka serangan terhadap WTC dan Pentagon itu. Di Malaysia sendiri kita berjaya mengesan kerana hanya selepas mereka gagal merompak Southern

Bank ini seolah-olah memberi gambaran operadus keselamatan kita tidak begitu sangat untuk mengetahui perkara ini lebih awal.

J: Saya bersetuju juga bahawa operandus kita ini tidak begitu berkesan dalam mengesan apa kegiatan yang seperti ini. Demikian juga dengan kes Al Maunah, apabila dilihat sekumpulan membuat latihan kita anggap ini adalah perkara biasa kerana di Malaysia terdapat banyak kumpulan seperti ini. Dengan ini kita tidak membuat apa-apa sehingga mereka membuat tindakan termasuk membunuh. Ini amat menyedihkan kita tetapi sekarang ini jentera kita ditingkatkan dan diberi tugas yang lebih utama. Mereka tidak lagi mengangap sebarang laporan remeh yang didapati mereka. Mereka perlu buat penyelidikan dan apabila membuat penyelidikan ramai yang akan menentang yang kononnya menghalang kebebasan rakyat. Tetapi soalnya ialah apakah kita utamakan keselamatan atau kebebasan segelintir orang.

S: Kebebasan ini juga satu masa dulu menyebabkan pihak luar memberi kritikan kepada kita. Penggunaan ISA misalnya dikecam habis-habisan . Begitu dengan langkah kerajaan bantu sesetengah syarikat yang gagal semasa kegawatan. Semua ini dianggap sebagai satu yang tidak baik tetapi apa yang dilancarkan selepas peristiwa 11 September menunjukkan seolah-olah kritikan terhadap kita telah tertebus. Kalau dulu mereka marah tentang ISA sekarang kerajaan AS telah mewujudkan executive order (arahan eksekutif) yang membolehkan membunuh orang atas hanya syak wasangka.

J: Amerika atau mana-mana negara apabila berada dalam keadaan tidak selamat mereka akan anggap tindakan untuk menyelamatkan orang yang tidak selamat seperti kita dulu sebagai satu tekanan, penindasan tetapi apabila perkara yang sama berlaku kepada mereka tentulah timbul kesedaran bahawa mereka juga harus menggunakan cara yang sedemikian. Inilah yang sedang kita lihat pihak yang selalu bercakap tentang liberal tetapi apabila hak mereka yang terancam memanglah mereka orang liberal.

S: Menyentuh soal Amerika, bagaimana Datuk Seri melihat hubungan Amerika dan Malaysia dalam konteks selepas kejadian 11 September dan serangan balas oleh Amerika. Kita nampak seolah-olah Amerika lebih memahami Malaysia. Apakah ini bersifat sementara atau membawa dimensi baru hubungan yang lebih positif?

J: Saya dapati dengan pentadbiran Bush kita dapat adakan hubungan dan dialog kalau dikatakan dialog yang lebih bebas. Saya percaya mereka pegang kepada prinsip kebebasan...saya percaya mereka tidak akan menyekat kita daripada menyuarakan pendapat kita kerana ini adalah hak kita sebagai sebuah negara. Mereka juga mempunyai hak menyuarakan pendapat mereka. Saya yakin kerajaan Amerika sekarang akan menerima bahawa ada pendapat-pendapat yang berbeza dengan mereka...kalau mereka hendak semua hanya menyetujui mereka maka ini akan menghalang dialog dan perbbahasan dan kita tidak akan dapat mengenalpasti apa yang terbaik jika tiada perbahasan dan dialog dan hubungan antara kita dan Amerika adalah baik dan mereka saya percaya menghormati hak kita membuat pendirian kita.

S: Datuk Seri ada mencadangkan diadakan satu persidangan antarabangsa untuk membincang masalah pengganas diadakan dan Asean akan mengadakan persidangan yang pertama di rantau ini untuk bincang masalah ini. Apakah langkah yang lebih komprehensif untuk mengatasi masalah pengganas ini?

J: Yang pertama kita perlu kenal siapa pengganas siapa tidak kerana dalam sejarah negara membangun umpamanya negara-negara yang dahulu dijajah,

ramai daripada pejuang kemerdekaan ditakrif sebagai pegganas. Kemudian daripada itu mereka menang dan mendapat kemerdekaan mereka dan dengan serta merta mereka tidak menjadi pegganas lagi... perjuangan mereka dianggap perjuangan membebaskan negara mereka...umpamanya kita tahu Jomo Kenyatta, Presiden (Robert) Mugabe...mereka dahulu dikenal sebagai pegganas tetapi sekarang tidak dianggap sebagai pegganas.

Bermakna bahawa seseorang itu mungkin dianggap pegganas oleh satu pihak dan oleh pihak yang lain sebagai pejuang kebangsaan...mungkin juga seorang itu menjadi pegganas pada satu masa dan kemudian menjadi seorang yang tidak ditakrif sebagai pegganas pada satu masa lain.

Sebab itu kita perlu tentukan siapakah sebenarnya pegganas dan apakah tindakan yang boleh dianggap sebagai pegganas. Sudah tentu orang yang berjuang untuk kemerdekaan negara mereka tidak boleh dianggap sebagai pegganas. Namun demikian kalau dalam perjuangan mereka mereka gunakan cara-cara yang kejam seperti membunuh orang yang tidak bersalah...inilah yang berlaku di World Trade Centre...orang itu tidak bersalah tetapi tindakan yang diambil oleh orang ini mungkin kerana mereka percaya mereka berjuang untuk sesuatu tetapi mereka membunuh orang yang tidak bersalah. Ini adalah satu tindakan ganas walaupun mereka berjuang untuk apa-apa sebab itu adalah ganas.

Meletupkan bom yang dipasang pada badan dalam supermarket...itu adalah ganas walau apapun sebab perjuangan mereka, halal ataupun tidak halal itu tidak harus dibuat kerana orang yang tidak bersalah akan menjadi mangsa. Jadi kita harus kenal siapa sebenarnya pegganas, siapa yang tidak dan apakah tindakan yang boleh dianggap sebagai ganas apakah tindakan yang boleh diizinkan, umpamanya kalau mereka diserang oleh tentera yang mengongkong mereka, meneruskan penjajahan mereka dan mereka berlawan dengan tentera itu, itu bukan tindakan yang ganas...itu adalah sesuatu yang dikatakan "legitimate" (sah) kerana mereka berhak mempertahankan diri mereka.

S: Baru-baru ini, kerajaan telah mengumumkan pakej ransangan berjumlah RM4.3 billion sebagai langkah jangka pendek untuk menghadapi kesan daripada kejatuhan ekonomi Amerika Syarikat. Kemudian kerajaan juga berjanji akan mengadakan lebih banyak peruntukan dalam belanjawan Jumaat ini..bagaimana daripada segi jangka panjangnya.. samada pakej ransangan ini dianggap boleh mengatasi masalah.

J: Ya, sedikit sebanyak ia boleh mengatasi masalah tetapi tidaklah sepenuhnya kerana kemampuan kerajaan terhad...kita tidak boleh belanja terlalu banyak sehingga kita berhutang dengan pihak lain dan ini akan melemahkan kita.

Tetapi sedaya upaya kita, kita akan menggunakan tindakan fiskal untuk memulihkan sedikit ekonomi kita tetapi rakyat mempunyai peranan dan pihak swasta juga mempunyai peranan yang mana ini akan kita perjelaskan apabila kita perkenalkan belanjawan kita.

S: Biasanya dalam keadaan gawat begini kerajaan meminta rakyat bersabar dan jangan terlalu kedekut berbelanja. Tetapi dalam masa yang sama rakyat pula masa inilah mereka nak simpan duit. Bagaimana nak mengatasi masalah ini?

J: Mereka membuat sesuatu bukan mengikut perhitungan ekonomi... apabila mereka tidak yakin sangat pada masa depan biasanya mereka ingin simpan duit tetapi kalau mereka menabung dan tidak belanja maka peruncit-peruncit akan menghadapi masalah, pekerja dalam kedai runcit akan menghadapi masalah, mereka yang membuat bekalan kepada peruncit akan menghadapi masalah, pekerja dalam kilang akan menghadapi masalah. Sebab itu kita meminta supaya

dalam masa ini yakinlah kita akan pulih keadaan di masa hadapan, dengan itu kita berbelanja wang yang ada kepada kita dalam negara, janganlah kita bawa wang kita ke luar negara, pergi melancong ke luar negara..kalau bawa duit kita ke luar negara kita akan menghadapi masalah..

S: Saya ingin menarik perhatian terhadap negara-negara Islam. Berlaku krisis besar seperti ini nampak negara Islam masih tidak bersatu dan tidak mempunyai pendirian yang jelas. Contohnya apa yang berlaku tidak sedikitpun membolehkan negara-negara Islam mengambil kesempatan yang cukup umpamanya untuk mempengaruhi Amerika supaya menyelesaikan krisis Palestin Israel.

J: Bukan sahaja negara Islam tetapi di kalangan orang Islam seperti di negara kita inipun tidak ada perpaduan. Orang Islam lebih suka menyerang orang Islam bahkan orang Islam yang dibunuh oleh orang Islam kadang-kadang lebih ramai daripada musuh Islam lain.

Inilah penyakit kita dan penyakit kita ini disebabkan oleh ada pihak yang memeralatkan agama untuk kepentingan mereka. Orang yang "hijack" agama, mereka ini sengaja mencetuskan keadaan yang buruk dalam negara-negara Islam.

Dengan itu kita tak dapat tumpukan kepada menguatkan negara Islam. negara Islam semuanya lemah. Bila lemah biasanya kita tuduh menuduh orang itu salah orang ini salah... tetapi kalau kita betul-betul berusaha dan kita jangan peralatkan Islam untuk kepentingan pihak tertentu, saya yakin bahawa negara-negara Islam boleh menjadi negara yang kuat dan boleh bekerjasama kerana tidak ada pihak yang membangkitkan perbezaan pendapat dan dengan itu menyebabkan perselisihan antara negara-negara islam.

S: Ketika perang dingin satu ketika dulu negara-negara Islam ada dua pilihan antara Amerika dan Soviet. Tetapi negara Islam rata-ratanya memilih Amerika kerana memilih aliran mempertahankan demokrasi. Tetapi selepas perang dingin keadaan berlaku sebaliknya. Jadi bagaimana negara-negara Islam tidak lagi dapat memenangi hati Amerika. Tentu ada yang tidak kena.. jadi apakah yang patut dilakukan oleh Amerika untuk memenangi hati negara Islam dan juga negara membangun lain yang merasa tidak senang.

J: Semasa perang dingin dahulu negara Islam berasa curiga dengan negara komunis, sebab itu mereka lebih suka memihak kepada Amerika Syarikat dan Amerika pula menyumbang kepada ekononmi mereka dengan pembelian minyak dan sebagainya. Tetapi selepas itu tiada lagi pilihan yang ada hanya Amerika sahaja dan mungkin ada pihak di Amerika umpamanya dia punya bank dan yang berkuasa dalam bidang kewangan, mereka hanya melihat peluang untuk membuat keuntungan besar kerana tiada halangan lagi dan menggunakan kekuatan kerajaan mereka untuk membuka pasaran dunia supaya mereka dapat eksploitasi pasaran dunia dan ini menyebabkan kita di Malaysia umpamanya merasa tertekan.

Sebab itu kita sekarang ini menyarakan pandangan yang ternampak seolah-olah anti-Amerika tetapi kita bukan anti-Amerika... kita tidak bersetuju dengan cara memberi peluang pemodal yang kaya ini mengeksploitasikan dunia untuk memperkayakan diri mereka secara yang bukan-bukan..sampai ada yang mempunyai duit berbilion-bilion ringgit. Apa nak buat dengan duit berbilion ringgit?

S: Berbalik kepada isu ekonomi.. kalau di Singapura, rakyat diberi amaran supaya bersedia untuk hadapi satu tempoh yang susah. Tetapi sebaliknya di Malaysia kadang-kadang pemimpin kita menyeru rakyat supaya jangan bimbang.. kita ada minyak.. jadi macam ada "false sense of security" .. Kalau boleh Datuk Seri beri previu tentang belanjawan akan datang.

J: Belanjawan kita akan menumpukan kepada mempertahankan kedudukan ekonomi negara kita... untuk ini kita akan gunakan tindakan fiskal dan kita juga meminta rakyat supaya berhati-hati, supaya mengambil tindakan yang boleh menolong umpamanya belanja duit dalam negeri jangan pergi luar negeri... kita juga memberi amaran bahawa ekonomi kita tidak akan tumbuh ke paras 7/8 peratus seperti dahulu.. ia akan berkurangan. Mungkin dalam tahun ini ia akan turun mungkin sehingga 1 atau 2 peratus sahaja tidak lagi 8 peratus atau 7.5 peratus seperti yang diramalkan semasa kita memperkenalkan belanjawan 2001. Jadi rakyat mesti bersedia juga untuk menghadapi kemelesetan ekonomi.

Tetapi kalau bertindak secara bijak, kerajaan juga bertindak dengan cara menghalang kesan menyeluruh ke atas kita, kita yakin dengan kepelbagaian, dengan bermacam-macam kegiatan ekonomi yang ada di negara kita, kita tidak akan merasa penurunan ekonomi seperti yang dirasai oleh sesetengah negara yang bergantung kepada satu dua punca pendapatan sahaja.

S: Saya ingat Datuk Seri negeri yang paling teruk terjejas sejak akhir-akhir ini ialah Pulau Pinang yang terlalu bergantung kepada eksport barangan elektronik dan industri pelancongan. Apakah pakej khusus akan disediakan kepada Pulau Pinang?

J: Walaupun ramai diberhentikan kerja tetapi kita lihat peluang kerja baru jumlahnya lebih daripada yang diberhentikan... jadi mereka perlu sanggup buat kerja lain untuk menampung kehidupan mereka.

Daripada segi pelancong umpamanya mungkin pelancong dari Amerika atau Eropah berkurangan.. tetapi kita jarang dapat bilangan pelancongan yang terbesar daripada Amerika dan Eropah. Pelancong yang datang ke Malaysia ialah dari negara-negara Asean, Jepun, China, India dan kita masih mampu menarik pelancong ini dan baru-baru ini kita lihat ramai pelancongan Arab datang ke Malaysia.

Satu usaha perlu dibuat untuk menambah lawatan oleh mereka kerana saya yakin mereka kali ini tidak akan pergi ke Amerika atau Eropah untuk melancong jadi ini merupakan satu peluang bagi kita.

Kita biasa mengadakan usaha menarik pelancong dari negara Asean. Ini tidak bermakna kita tak nak pelancong dari China, Jepun dan lain-lain. Kita juga ada usaha khas tarik pelancong dari Asia Timur.. ini tak bermakna kita tak nak orang Arab datang. Kita terpaksa tumpu kepada segmen tertentu.. kali ini tumpukan kepada negara-negara Islam kerana ini bagi kita ini negara berpotensi untuk meningkatkan bilangan pelancong ke negara kita.

S: Satu lagi industri yang boleh kita galakkan ialah industri pendidikan... saya ingin tahu kemajuan dicapai setakat ini..

J: Sekaang ini kita ada lebih 15,000 penuntut dari luar negeri dan kita boleh anggap seorang penuntut yang datang belajar di Malaysia sebagai 360 pelancong yang datang sehari kerana mereka tinggal tinggal di sini bukan sehari dua tetapi setahun atau dua tahun.. jadi menarik penuntut datang ke sini menyumbang banyak kepada ekonomi negara.

Sekarang ini kita diberitahu oleh kerana keadaan di negara tertentu tidak begitu menyenangkan banyak pelajar yang cari tempat lain untuk belajar dan kita ada potensi untuk menarik mereka umpamanya ramailah yang sekarang ini tak berminat belajar di Amerika kerana kosnya tinggi, kerana layanan mungkin kurang memuaskan, kita tarik mereka ke sini dengan mengadakan cukup institusi untuk mereka.

S: Saya ingin berbalik kepada soalan keganasan.. dalam konteks Malaysia gerakan militan itu nampak subur sejak tahun lepas. Adakah dengan seruan jihad yang semakin banyak kedengaran dan sentimen simpati kepada Osama bin Laden dan Taliban ini akan mewujudkan kumpulan militan samada kecil atau besar selepas ini samada dalam konteks negara ini atau serantau?

J: Saya tak percaya keadaan subur untuk puak militan adalah orang atau satu kumpulan orang yang berminat untuk menggunakan keganasan... yang lain mungkin mereka tak setuju dengan tindakan Amerika tetapi saya juga fikir mereka tak setuju dengan cara ganas.

Kita di Malaysia tidak setuju dan tidak sokong dan bahkan menentang tindakan Osama bin Laden dan Taliban kerana merekalah yang terlibat dengan memberi latihan kepada puak militan kita ini supaya balik ke negara sendiri untuk menjatuhkan kerajaan dan dengan itu kita tak ada sebab untuk bersimpati dengan Osama bin Laden ataupun Taliban. Bahkan Malaysia tak pernah iktiraf Taliban, kita masih mengiktiraf kerajaan Rabbani atau Northern Alliance dan wakil mereka ada di Malaysia.

S: Tetapi nampaknya di Malaysia parti PAS telah mendirikan beratus-ratus tadika, taska, sekolah swasta, kolej di mana mereka menanam budaya benci kepada kerajaan dan kadang-kadang mereka rasa macam budaya "breeding ground for extremism".

J: Ini sebenarnya bertentangan dengan Islam. Tadika, taska dan guru agama mereka bertanggungjawab mengembangkan pengetahuan agama Islam. Sebaliknya mereka menggunakan kesempatan itu untuk membangkitkan perasaan benci kepada kerajaan yang juga dipimpin oleh orang Islam... kita harus beri perhatian kepada mereka ini.

Adakah patut kita benarkan kegiatan ini kerana dia sebenarnya bukan menguntungkan agama Islam bukan mengembangkan agama Islam dia hanya adalah proses membentuk pemikiran dari awal lagi, kanak-kanak daripada tadika hingga ke sekolah dan universiti supaya membenci kerajaan dan kerana benci kepada kerajaan akan memilih parti ini.

Jadi itu bukan Islam.. yang diajar di sekolah-sekolah ini bukan agama Islam dan kita perlu melihat sebenarnya apa yang dilakukan oleh mereka.

S: Datuk Seri, di sebalik apa yang berlaku di Afghanistan apakah pengajaran kepada kita semua?

J: Yang pertamanya, kita tahu apa yang kita lakukan di negara kita ini adalah baik bagi kita, baik bagi negara kita, baik bagi agama Islam, baik bagi umat Islam kerana kita di sini bertujuan membangunkan negara kita supaya menjadi negara maju yang akan dihormati oleh dunia supaya tidak ada tekanan ke atas kita.

Apa yang kita buat itu memang betul. Dunia kini iktiraf apa yang kita buat ialah benda yang sepatutnya dilakukan..dan dari peristiwa ini kita nampak jelas bahawa sikap liberal ini pada permukaan sahaja ... apabila terkena pada diri sendiri liberal itu dilupakan sahaja.

-- BERNAMA  
AKT AU AU